



**"MEMPERKASAKAN INSTITUSI KEKELUARGAAN".1**

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَآيَاتِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ءَاتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٤﴾</p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin jemaah sekalian marilah bersama-sama kita memperkasakan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mengecapi kebahagiaan didunia dan diakhirat.</p>	5
<p>Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk <b>"MEMPERKASAKAN INSTITUSI KEKELUARGAAN."</b></p> <p><b>Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,</b></p>	6



<p>Institusi kekeluargaan merupakan komponen penting dalam proses pembentukan masyarakat dan negara. Tanpa institusi keluarga yang cemerlang, pembinaan sebuah negara yang stabil dan maju tidak akan tercapai dengan sempurna. Islam meletakkan institusi kekeluargaan sebagai institusi penting dalam membentuk masyarakat yang beriman dan cemerlang. Matlamat dan visi memperkasakan institusi kekeluargaan mampu membangunkan negara dengan aman dan makmur. Oleh itu, setiap ahli keluarga perlu bersatu dan menjadi tulang belakang agar kebahagiaan rumah tangga dapat dibina dan perpecahannya dapat dihindarkan.</p>	7
<p>Syariat Islam amat menitikberatkan soal pembentukan keluarga bahagia yang beriman. Ini kerana, keluarga yang beriman menjadi asas kepada lahirnya generasi yang bakal mewarisi kecemerlangan umat manusiawi. Rasulullah SAW merupakan model terbaik dalam memimpin bahtera rumah tangga bahagia. Malah, Rasulullah SAW sendiri menyifatkan Baginda adalah orang yang paling baik terhadap ahli keluarganya.</p>	8
<p>Sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbas Radhiallahu'Anhuma bahawa Nabi SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;"><b>خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي</b></p>	9
<p><i>"Sebaik-baik kamu ialah orang yang baik terhadap kaum keluarganya dan aku sebaik-baik orang terhadap keluargaku."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Ibnu Majah).</i></p>	10



<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah,</b></p> <p>Pemeriksaan pembangunan keluarga Islam perlu menjadi agenda utama yang perlu disampaikan secara adil dan saksama kepada semua lapisan masyarakat. Ia merupakan misi penting dalam konteks membina keluarga sakinah khususnya mereka yang berdepan dengan krisis kekeluargaan. Dengan memperkasakan institusi kekeluargaan segala cabaran, isu dan keganasan rumahtangga dapat dikekang dan dihindarkan.</p>	11
<p>Namun begitu, sejak akhir-akhir ini pembentukan institusi kekeluargaan dilihat semakin jauh dari nilai-nilai kehidupan manusiawi. Ini dapat dilihat dari kes-kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan. Saban hari kita dapat melihat laporan berita di media sosial dan dada-dada akhbar sejak bermulanya tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang lalu. Menurut statistik, laporan keganasan rumah tangga meningkat sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan berikutan penularan wabak Covid-19. Peningkatan mendadak keganasan rumah tangga ini dilihat sesuatu perkara yang membimbangkan. Perbuatan jenayah keganasan yang dilakukan dalam rumahtangga kian meningkat saban hari dan ia merupakan masalah sosial yang boleh membawa barah dalam masyarakat sekiranya tidak dibendung dari awal.</p>	12
<p>Menurut statistik yang dilaporkan oleh Bahagian Undang-Undang Keluarga JAIS, sebanyak 191 kes keganasan rumahtangga telah dicatatkan sepanjang bulan Januari hingga Mei tahun ini. Kawasan bandar mencatatkan kes lebih tinggi dengan peratusan 70.7% daripada 191 kes.</p>	13



<p>Manakala bentuk-bentuk keganasan yang dicatatkan adalah seperti dipukul, didera secara mental dan fizikal, bersikap ganas terhadap pasangan lantaran sifat panas baran dan gagal mengawal emosi. Antaranya adalah berpunca daripada pengambilan alkohol yang berlebihan atau penyalahgunaan dadah, masalah kewangan, dibuang kerja, curang dengan pasangan dan mempunyai akhlak yang buruk dan keji. Tidak dinafikan bahawa sebahagian kes tersebut adalah terkesan dari pandemik Covid 19 yang masih melanda dalam negara.</p>	14
<p><b>Hadirin sekalian,</b></p> <p>Antara kesalahan-kesalahan yang boleh disabitkan ke atas pasangan suami isteri menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Meninggalkan langsung isteri pada Seksyen 127</li><li>2. Menganiayai isteri atau suami pada Seksyen 128</li><li>3. Tidak memberi keadilan yang sewajarnya terhadap isteri pada Seksyen 129.</li><li>4. Isteri tidak menurut perintah pada Seksyen 130.</li></ol> <p>Kesemua kesalahan tersebut boleh dikenakan denda RM1000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya sekali.</p>	15



<p><b>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Usaha-usaha berterusan perlu dilaksanakan dalam menangani isu-isu keganasan rumah tangga yang melanda masyarakat hari ini. Antara beberapa sikap yang perlu dititikberatkan dalam memperkukuhkan institusi kekeluargaan adalah dengan meningkatkan aspek amalan komunikasi kekeluargaan secara berhikmah dan bijaksana, mengawal percakapan dengan lemah lembut, sentiasa bertolak ansur, sabar dalam menghadapi masalah dan tekanan serta mengutamakan sikap saling hormat-menghormati dalam institusi kekeluargaan.</p>	16
<p>Begitu juga, aspek yang perlu dititik beratkan dalam membentuk keluarga bahagia adalah dengan menanamkan sikap saling memaafkan. Sikap yang mulia ini dapat menghakis sifat dendam seterusnya dapat menghindarkan persepsi buruk dalam diri pasangan dan keluarga. Jangan sesekali berburuk sangka dan mudah terpengaruh dengan gosip dan fitnah yang boleh meruntuhkan hubungan kekeluargaan dalam apa cara sekalipun termasuklah melalui kesan-kesan viral media massa.</p>	17
<p>Dalam melayari kehidupan alam rumah tangga, suami dan isteri perlu tahu peranan dan tugas masing-masing. Saling memahami dan menyokong pasangan demi menjana kebahagiaan alam rumah tangga. Saling memperkuat hubungan pertalian dengan Allah dengan menjaga kefarduan solat terutamanya menunaikan solat secara berjemaah. Pengabaian perintah solat dan kewajipannya terhadap anak-anak mengakibatkan roh kebahagiaan dan kedamaian rumah tangga dilihat semakin jauh dan sempit. Justeru, hidupakanlah amalan solat berjemaah dalam rumah. Tidak dinafikan, terdapat banyak kelebihan solat berjemaah sama ada secara zahir atau batin. Namun, kita gagal menjadikan solat berjemaah sebagai wadah utama dalam kehidupan rumah tangga sekali gus menggagalkan usaha membina institusi kekeluargaan menjadi kuat dan bersatu padu.</p> <p><b>Muslimin sekalian,</b></p>	18



<p>Mengakhiri khutbah kali ini, marilah sama-sama kita ambil pengajaran dan penghayatan sebagai pedoman dalam hidup ini. Antaranya:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa keluarga itu merupakan anugerah Allah SWt yang tidak ternilai bagi setiap insan.</li> <li>2. Setiap insan hendaklah melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan dalam memperkukuhkan institusi kekeluargaan.</li> <li>3. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa kejayaan dan kebahagiaan sesebuah keluarga itu menjadi faktor kebahagiaan dan keharmonian sesuatu masyarakat.</li> </ol>	<p>19</p>
<p style="text-align: center;">         أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ          وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ          وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ          وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾     </p>	
<p><i>“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan dan mereka mendirikan solat dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”</i></p> <p style="text-align: right;">(Surah al-Taubah : 71).</p>	
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	<p>27</p>
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	<p>28</p>



## KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19. Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera untuk mendapatkan suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.</p>	5
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi S.O.P dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak Covid-19 demi keselamatan diri serta masyarakat.</p>	7
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi Prosedur Operasi Standart (SOP) dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak penyakit Covid 19 demi keselamatan diri serta masyarakat.</p>	8




Dalam kita berhadapan dengan wabak ini, janganlah kita mengambil jalan mudah dengan memudarati dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.	
Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :	9
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾	10
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.	11
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	12
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.	13
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَ حَفِظَ بَعِينَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	14
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	15





<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِّ</p>	16
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	17
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	18
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu</p>	19
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	20
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	21



	22
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢٢﴾</p>	23
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ ۖ إِنَّ نِعْمَهُ يُزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	24